

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

SEORANG EJEN JUALAN LANGSUNG DIKOMPAN RM 50,000 KERANA MEMPROMOSIKAN GELANG TANGAN YANG MAMPU MENCEGAH COVID 19

PUTRAJAYA, 25 JULAI 2020 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengesan satu isu yang tular di laman sosial Facebook berkenaan promosi produk gelang tangan berharga RM 580.00 yang dikatakan mampu mencegah Covid 19.

Bertindak atas aduan tersebut, sepasukan Pegawai Penguat Kuasa, KPDNHEP telah melakukan pemeriksaan dan menyoal siasat seorang wanita yang merupakan seorang ejen sebuah syarikat jualan langsung yang mempromosikan produk gelang tangan tersebut melalui laman Facebook miliknya.

Tindakan wanita tersebut yang telah mempromosikan produk dengan memberi pernyataan yang mengelirukan didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10(1)(h), Akta Pelindungan Pengguna 1999 dan seterusnya tawaran Kompaun **maksimum sebanyak RM 50,000.00** telah ditawarkan kepada ejen jualan langsung berkenaan pada hari ini.

Sekiranya Kompaun gagal dibayar dalam masa yang ditetapkan, individu tersebut akan dituduh di mahkamah. Penalti bagi kesalahan ini adalah dibawah Seksyen 25, Akta Pelindungan Pengguna 1999 iaitu

bukan suatu pertubuhan perbadanan yang melakukan kesalahan, didenda tidak melebihi RM 100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau berikutnya, boleh didenda tidak melebihi RM 250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

KPDNHEP serius dalam memastikan pengguna tidak terpedaya dengan promosi atau pernyataan mengelirukan mengenai kegunaan sesuatu produk. Selain itu, semua pihak yang menjual dan mempromosikan produk supaya sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh kerajaan.

#####

**DATO' HAJI ISKANDAR HALIM BIN HAJI SULAIMAN
PENGARAH PENGUAT KUASA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA
(KPDNHEP)**

25 JULAI 2020